



Memo

LEMBAGA GETAH MA LAYSIA MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047
Tarikh : 1 April 2013

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 11 TAHUN 2013

PANDUAN MESUARAT PAGI (*MORNING PRAYERS*)

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.


2. Dimaklumkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1/1993 mengandungi garispanduan mengenai pelaksanaan Mesyuarat Pagi atau *Morning Prayers* di Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan.
3. *Morning Prayers* merupakan satu mekanisme yang berkesan dalam menyelesaikan berbagai masalah di semua peringkat pentadbiran. Memandangkan sistem Mesyuarat Pagi tersebut telah membuktikan manfaatnya, adalah wajar Mesyuarat Pagi ini diadakan dengan memperluaskan skopnya bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya perkhidmatan di LGM.
4. Matlamat Mesyuarat Pagi ini ialah bagi memupuk semangat mengutamakan untuk menyelesaikan secara *On the spot* masalah-masalah yang timbul. Cara ini dapat mengesan segala halangan dan membolehkan tindakan penyelesaian dilakukan dengan segera serta dapat mengelakkan berlakunya tunggakan kerja di kalangan jabatan yang terlibat.

5. Mesyuarat digalak diadakan setiap hari Isnin atau Jumaat mengikut Negeri. Namun demikian, Ketua-Ketua Unit/ Pengurus Stesen/ Pengarah Wilayah/ Pengarah Negeri merangkap Pengerusi Mesyuarat boleh memilih mana-mana hari yang didapati lebih sesuai untuk mengadakan mesyuarat. Tempoh mesyuarat seboleh-bolehnya hendaklah tidak melebihi satu jam. Minit Mesyuarat Pagi hendaklah disediakan secara ringkas yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- a. kedudukan semasa pelaksanaan program dan aktiviti Bahagian/Unit
- b. keputusan mesyuarat.

6. Semua Ketua Unit/ Pengurus Stesen/ Pengarah Wilayah/ Pengarah Negeri diminta mengambil maklum dan tindakan mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.



“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

(SHAHRIR BIN MOHD SALLEH)
Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia

s.k.

YBhg. Datuk Ketua Pengarah, LGM
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian